

15 NOV 2000

TELEKOM ANJUR MINI KARNIVAL SAMBUT ULANG TAHUN MENARA ALOR SETAR

ALOR SETAR, 15 Nov (Bernama) -- Telekom Malaysia cawangan Kedah telah mengatur pelbagai acara menarik menerusi mini karnival selama tiga hari bermula Jumaat ini sempena ulang tahun ketiga Menara Alor Setar di sini.

Menurut satu kenyataan dari syarikat berkenaan hari ini, pengunjung bertuah ke-500 ribu yang melawat menara yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 14 Ogos 1997 itu akan menerima hadiah-hadiah menarik daripada penganjur.

Mini karnival itu diadakan di kawasan menara dan dimulakan dengan demonstrasi memasak oleh pakar-pakar masakan, pertandingan gubahan, lipatan bunga serta acara sukan untuk kanak-kanak dan orang dewasa.

Pada hari kedua pula berlangsung pertandingan mewarna untuk kanak-kanak berumur 9 hingga 12 tahun dan larian Menara Alor Setar yang dibahagi kepada beberapa kategori, lelaki dan wanita.

Pertandingan akhir acara karaoke pula diadakan pada hari terakhir mini karnival itu, manakala kesemua acara yang dipertandingkan menawarkan hadiah menarik termasuk wang tunai.

Di samping itu, terdapat persembahan kebudayaan, demonstrasi wushu dan tinju oleh Majlis Sukan Negeri Kedah di panggung terbuka menara tersebut.

Orang ramai juga berpeluang menikmati pemandangan indah dari menara kedua tertinggi di negara ini dengan hanya membayar RM3 (dewasa) dan RM1.50 (kanak-kanak).

-- BERNAMA

ZA RI